

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 06 NOVEMBER 2017

RUJUKAN :

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab majikan Maxim Birdnest, Green Asia Agriculture dan Kiss Produce yang telah menyalahgunakan permit kerja pertanian dengan menggaji 153 orang perempuan Indonesia untuk bekerja di kilang mereka tidak didakwa ke Mahkamah sedangkan 153 pekerja Indonesia terlibat dijatuhkan hukuman 2 bulan atas kesalahan kerja tanpa guna permit yang sesuai. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes ini akan disebut pada 2 November 2017 dan tarikh perbicaraan akan ditetapkan kelak. Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 manakala bagi pertuduhan di bawah Jabatan Tenaga Kerja adalah (i) Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Kerja 1957, (ii) Peraturan 9 Peraturan-Peraturan Kerja 1957, (iii) Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, (iv) Seksyen 24 Akta Kerja 1955; dan (v) Seksyen 60A Akta Kerja 1955.